

DR 6 TAHUN 2015
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENYAMBUNGAN LALUAN ERL DARI KLIA KE KLIA2

- Kementerian Pengangkutan -



LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKASURAT</u>
1.	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Penyambungan Laluan ERL Dari KLIA ke KLIA2	1
2.	Rumusan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	12
3.	Agenda Mesyuarat	
	a. Bilangan 32/2014 pada Selasa 30 September 2014	14
4.	Laporan Prosiding	
	a. Bilangan 32/2014 pada Selasa 30 September 2014	
5.	Dokumen Pembentangan	

**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
TERHADAP PROJEK PENYAMBUNGAN LALUAN ERL DARI KLIA
KE KLIA 2
- KEMENTERIAN PENGANGKUTAN -**

1. PENDAHULUAN

Isu penyambungan laluan ERL dari KLIA ke KLIA 2 yang melibatkan kos berjumlah RM100 juta daripada dana kerajaan bagi laluan sepanjang 2.16 km telah menarik perhatian media massa, di kalangan ahli-ahli politik dan orang awam. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara/*Public Accounts Committee* (PAC) berpendapat PAC perlu mendapatkan maklumat terperinci dan penerangan daripada pihak yang terbabit dalam perkara berkenaan demi kepentingan orang awam. Projek sambungan ERL KLIA2 ini belum diaudit dan tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

Sehubungan itu, selaras dengan mandat yang diberi di bawah Perkara 77(1) Peraturan-peraturan Majlis Dewan Rakyat, PAC telah bersidang pada 30 September 2014 bagi menyoal dan menyiasat pihak-pihak yang terlibat supaya Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara tanpa prejudis secara bebas dapat mengemukakan pendapat dan syor terhadap isu-isu yang berbangkit dalam projek penyambungan laluan ERL dari KLIA ke KLIA 2.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara telah membincangkan isu pembinaan penyambungan laluan ERL dari KLIA ke KLIA 2. Selaras

dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), Jawatankuasa telah membuat pemeriksaan terhadap perkara ini dengan tujuan:

- i. Mengenal pasti asas penetapan kos pembinaan yang berjumlah RM100 juta yang dibiayai oleh Kerajaan bagi landasan sejauh 2.16 kilometer;
- ii. Mengenal pasti asas penetapan kadar tambang baru selepas projek penyambungan selesai;
- iii. Mengenal pasti sama ada pelantikan kontraktor selaras dengan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa; dan
- iv. Mengesyorkan tindakan yang patut diambil terhadap semua pihak yang terlibat sekiranya didapati berlaku ketirisan dalam perbelanjaan wang awam.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a) Memanggil pihak yang terlibat dalam projek penyambungan laluan ERL dari KLIA ke KLIA 2 iaitu Kementerian Pengangkutan dan Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERL); dan
- b) Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan; Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Perancang Ekonomi untuk hadir bersama.

4. LIMITASI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tiada limitasi dikenal pasti.

5. LATAR BELAKANG PROJEK PENYAMBUNGAN LALUAN ERL DARI KLIA KE KLIA 2

Projek Sambungan jajaran ERL yang berukuran 2.16 km dibina bawah peruntukan Kementerian Pengangkutan yang berjumlah RM100 juta. Projek ini dilaksanakan oleh Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) dan perjanjian pembiayaan telah dibuat pada 10 Oktober 2011 antara Kerajaan Malaysia dan ERL.

Projek pembinaan ini adalah di bawah tanggungjawab ERL sebagai agensi pelaksana yang bertanggungjawab melantik kontraktor iaitu Syarikat Pembinaan YTL Sdn. Bhd. (SPYTL) dan Seri Yakin Sdn. Bhd. (Seri Yakin) Projek ini telah dibuat secara Reka Dan Bina melalui kaedah rundingan terus dengan spesifikasi mengikut sistem ERL sedia ada. Projek ini telah dimulakan pada 15 Julai 2011, telah siap pada 1 Oktober 2013 dan mula beroperasi pada 2 Mei 2014. Tempoh sebenar mengikut Kontrak sepatutnya siap adalah pada 31 Oktober 2012. Bagaimanapun disebabkan beberapa masalah yang berlaku, projek tersebut hanya berjaya disiapkan pada 1 Oktober 2013. Pegawai Penguasa (SO) bagi Projek Sambungan jajaran ERL ialah Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengangkutan.

Dengan selesainya sambungan jajaran ERL tersebut, penumpang dari KL Sentral, Bandar Tasik Selatan, Putrajaya dan Salak Tinggi akan berpeluang untuk menggunakan perkhidmatan KLIA Ekspres dan KLIA Transit ke Terminal LCCT yang baru di KLIA 2.

6. HASIL PERBINCANGAN DAN PENEMUAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh YBhg. Datuk Seri Long See Wool, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan. Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu ERL yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Puan Noormah binti Mohd. Noor telah dipanggil untuk memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

6.1. Penjelasan Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)

Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) telah memaklumkan kepada mesyuarat mengenai perkara berikut:

6.1.1 Pihak Jabatan Audit Negara telah membuat siasatan awal dan laporan siasatan tersebut telah dibuat edaran.

6.1.2 Perjanjian asal antara Kerajaan Persekutuan dengan ERL telah ditandatangani pada 26 Ogos 1997 dan ERL yang dilantik sebagai syarikat konsesi yang bertanggungjawab untuk *design*, bina, *deliver*, *install*, *commissioning*, *test*, *manage*, *operate* dan menyenggara perkhidmatan keretapi. Namun begitu, perjanjian konsesi tambahan untuk laluan KLIA ke KLIA2 belum dimuktamadkan.

6.1.3 Pada 7 Mac 2011, Kementerian Pengangkutan telah mengemukakan 2 opsiyen bagi menjalankan projek penyambungan laluan ERL iaitu, opsiyen pertama, dana kewangan dibiayai oleh Kerajaan dan tempoh konsesi 30

tahun tambah 30 tahun, tambang dari KL Sentral ke KLIA atau KLIA 2 adalah sama, tanah dan stesen dibangunkan oleh MAHB tanpa caj dikenakan kepada ERL. Manakala opsyen kedua kos projek menggunakan dana pinjaman dari Bank Pembangunan Malaysia, tempoh konsesi 30 tahun campur 30 tahun menjadi 60 tahun campur 30 tahun. Caj tambang dikenakan RM2 dari KLIA ke KLIA 2, manakala tanah dan stesen dibangunkan oleh MAHB tanpa caj dikenakan kepada ERL.

6.1.4 Pada 14 Mac 2011, Majlis Ekonomi (EC) telah meluluskan projek sambungan ERL mengikut opsyen 1 dengan caj tambang dikenakan sebanyak RM2 dari KLIA ke KLIA 2 dan kos pembinaan berjumlah RM100 juta.

6.2 Penjelasan Oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg. Datuk Seri Long See Wool memaklumkan perkara seperti berikut:

6.2.1 ERL mempunyai perjanjian konsesi selama 30 tahun dengan Kerajaan yang ditandatangani pada 25 Ogos 1997 berdasarkan kaedah build, operate and transfer. Kos pembinaan laluan ERL untuk jarak 57 kilometer adalah berjumlah RM2.4 bilion yang dibiayai sepenuhnya oleh ERL melalui pinjaman dari Bank Pembangunan Malaysia dan *Export Credit Agency Financing of Germany*.

6.2.2 Pemilik ERL ketika itu adalah YTL Corporation Berhad 50%, Lembaga Tabung Haji 40% dan Trisilco Equity Sdn. Bhd. 10%.

6.2.3 Projek pembinaan penyambungan laluan ERL ke KLIA 2 merangkumi jarak 2.16 km; tempoh pembinaan 26 bulan dengan pembiayaan secara geran oleh Kerajaan berjumlah RM100 juta.

6.2.4 Kerja-kerja projek pembinaan dimulakan pada 15 Julai 2011 dan siap pada 1 Oktober 2013. Operasi ERL telah dimulakan pada 2 Mei 2014 iaitu sama dengan tarikh pembukaan KLIA 2.

6.2.5 Dua cadangan bagi melaksanakan projek pembinaan telah dikemukakan kepada Majlis Ekonomi (EC) untuk kelulusan:

Syarat cadangan 1:

-tempoh konsesi dan tambang adalah kekal iaitu RM35 dari KL sentral ke KLIA atau KLIA 2 walaupun ERL perlu menanggung kos penyenggaraan untuk 2.16 km tersebut yang berjumlah RM3.2 juta setahun.

-kos pembinaan akan dibiayai oleh Kerajaan.

Syarat cadangan 2:

-kos pembinaan dibiayai oleh ERL.

-tempoh konsesi perlu ditambah kepada 60 tahun menjadi 90 tahun.

6.2.6 Pada 14 Mac 2011, Majlis Ekonomi (EC) telah bersetuju Kerajaan untuk membiayai kos pembinaan laluan sambungan ERL seperti cadangan 1 di samping membenarkan ERL mengenakan caj tambang RM2 dari KLIA ke KLIA 2.

6.2.7 Semasa perancangan awal pembinaan laluan utama ERL, *Passenger Service Charge* (PSC) diwujudkan sebagai penimbal untuk mengelak harga tambang yang tinggi memandangkan kos pembinaan peringkat awal yang tinggi. Setiap pengguna (*departure ticket*) akan dikenakan caj PSC berjumlah RM5 bagi tiket antarabangsa dan RM1 bagi tempatan walaupun pengguna berkenaan tidak menggunakan perkhidmatan *train* ERL. Wang berkenaan akan disalurkan kepada ERL melalui bayaran *user fees* yang dituntut oleh MAHB.

Bagi meningkatkan perkhidmatan kepada pengguna, ERL menyediakan *bus shuttle* percuma dari stesen Salak Tinggi ke LCCT sebagai penghubung KL Sentral ke LCCT memandangkan ketika itu laluan ERL hanya setakat KLIA.

6.2.8 Kebenaran sistem pengangkutan alternatif seperti bas dari KL ke LCCT yang dikenakan tiket semurah RM10, pembukaan Lapangan Terbang Subang dan tidak membenarkan ERL menaikkan harga tiket telah memberi tekanan terhadap kedudukan kewangan ERL.

6.2.9 Kerajaan juga memberi kelulusan caj tambang RM2 bagi mengambil kira kos penyenggaraan dan operasi yang ditanggung oleh ERL bagi laluan tambahan di samping memberi kelulusan pengangkutan alternatif antara KLIA ke KLIA 2 seperti *limo*, teksi dan *shuttle bus* yang disediakan oleh MAHB.

6.2.10 Jumlah anggaran penumpang antara KLIA ke KLIA 2 setahun berjumlah 1.07 juta orang (3,000 orang sehari) dengan anggaran kutipan RM2.14 juta setahun. Sejak pembukaan KLIA 2, berlaku peningkatan jumlah penumpang yang dianggarkan 28% berdasarkan semua destinasi. Peningkatan ini memberikan hasil kutipan yang tinggi kepada ERL. Namun begitu kebenaran caj RM2 oleh Kerajaan adalah bagi membantu ERL untuk mengukuhkan kedudukan kewangannya, yang sebelum ini peningkatannya tidak memberangsangkan.

6.2.11 Kontraktor projek laluan penyambungan ERL adalah usaha sama (*Joint Venture*) antara SPYTL dengan Seri Yakin. Namun begitu SPYTL, secara tidak langsung adalah pihak yang berkepentingan memandangkan pemegang saham utama SPYTL dan pemegang saham ERL adalah pihak yang sama. Ini bermakna pihak yang mengendalikan operasi ERL dan pihak kontraktor adalah daripada pihak berkepentingan yang boleh mewujudkan kelemahan untuk Kerajaan mendapatkan *value for money*. Selain itu ia boleh mewujudkan *conflict of interest* antara pemegang saham dan *conflict of interest* dalam rundingan harga kontrak.

6.3. Keterangan Oleh Puan Noormah Binti Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif ERL

Ketua Pegawai Eksekutif ERL memaklumkan perkara seperti berikut:

6.3.1 Pihak ERL telah memilih kontraktor Syarikat Pembinaan YTL Sdn Bhd dan Seri Yakin Sdn Bhd secara usaha sama dengan kaedah rundingan terus. Justifikasi utama pemilihan adalah syarikat berkenaan mempunyai pengalaman kepakaran dalam pembinaan laluan pertama ERL dari KL Sentral ke KLIA. Selain itu ia dapat menjimatkan masa pembinaan berbanding pelantikan kontraktor baru. Urusan pelantikan kontraktor berkenaan mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

6.3.2 *Value Management Lab* telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian dan EPU yang antaranya mengenal pasti kos pembinaan diturunkan kepada RM116 juta berbanding cadangan asal berjumlah RM129.7 juta. Namun, pihak ERL telah meneruskan projek pembinaan dengan kos RM100 juta dan selebihnya dibiayai dari sumber dalaman syarikat.

6.4. Keterangan Oleh Encik Suhaili bin Ahmad, TSUB Kementerian Kewangan

6.4.1 Pemberian tender secara rundingan terus hanya di benarkan atas 3 faktor iaitu kes kecemasan; pembekal tunggal dan faktor berkelasan.

7. RUMUSAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- 7.1. Justifikasi pengenaan caj RM2 di antara KLIA ke KLIA 2 akibat dari peningkatan kos penyenggaraan laluan sambungan ERL adalah kurang tepat. Ini kerana pembukaan KLIA 2 telah memberi kesan yang besar terhadap peningkatan penumpang ERL secara keseluruhan.
- 7.2. Berlaku *conflict of interest* dalam pemberian tender secara rundingan terus kepada kontraktor, memandangkan pemegang saham syarikat kontraktor induk dan pemegang saham utama ERL adalah daripada pihak yang sama.
- 7.3. Pembiayaan RM100 juta secara geran bagi projek pembinaan laluan sambungan ERL seharusnya dikaji dengan lebih mendalam memandangkan Kerajaan juga telah membenarkan sebahagian kutipan PSC yang akhirnya akan disalurkan kepada ERL sebagai pendapatan walaupun pengguna tidak menggunakan perkhidmatan ERL.

8. SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- 8.1 Dicadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula kenaikan tambang tambahan RM2 per penumpang daripada KLIA ke KLIA2 kepada tiada caj dikenakan kepada penumpang, berasaskan perkara berikut:

- i) Bilangan penumpang yang melebihi unjuran asal dan caj PSC ke atas setiap penumpang sedang dikuatkuasa.
- ii) Kos RM100 juta bagi pembinaan laluan ERL dari KLIA ke KLIA2 adalah daripada dana kerajaan dan;
- iii) Pembinaan laluan KLIA ke KLIA2 adalah di dalam compound airport system iaitu di bawah kawalan MAHB. Sepatutnya kos adalah ditanggung oleh MAHB oleh sebab itu, kadar tambang RM2 perlu dibatalkan.

8.2 Meminta Jabatan Audit Negara untuk mengadakan audit penswastan ke atas kawasan pembangunan KLIA untuk memastikan bahawa konsesi yang diberikan kepada MAHB tidak membebankan Kerajaan dan rakyat.

8.3 Memastikan sebarang perolehan oleh pihak swasta yang menggunakan peruntukan geran Kerajaan mematuhi peraturan dan polisi perolehan dalam memastikan Kerajaan memperoleh *value for money*;

8.4 Pihak Kerajaan perlu menyemak dengan lebih mendalam dan terperinci supaya sebarang urusan perolehan oleh pihak swasta tidak mempunyai unsur-unsur *conflict of interest* yang akhirnya melemahkan keputusan Kerajaan;

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PARA	RUMUSAN
7.1	Justifikasi pengenaan caj RM2 di antara KLIA ke KLIA 2 akibat dari peningkatan kos penyenggaraan laluan sambungan ERL adalah kurang tepat. Ini kerana pembukaan KLIA 2 telah memberi kesan yang besar terhadap peningkatan penumpang ERL secara keseluruhan.
7.2	Berlaku <i>conflict of interest</i> dalam pemberian tender secara rundingan terus kepada kontraktor, memandangkan pemegang saham syarikat kontraktor induk dan pemegang saham utama ERL adalah daripada pihak yang sama.
7.3	Pembiayaan RM100 juta secara geran bagi projek pembinaan laluan sambungan ERL seharusnya dikaji dengan lebih mendalam memandangkan Kerajaan juga telah membenarkan sebahagian kutipan PSC yang akhirnya akan disalurkan kepada ERL sebagai pendapatan walaupun pengguna tidak menggunakan perkhidmatan ERL.

PARA	SYOR
8.1	<p>Dicadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula kenaikan tambang tambahan RM2 per penumpang daripada KLIA ke KLIA2 kepada tiada caj dikenakan kepada penumpang, berasaskan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Bilangan penumpang yang melebihi unjuran asal dan caj PSC ke atas setiap penumpang sedang dikuatkuasa. ii) Kos RM100 juta bagi pembinaan laluan ERL dari KLIA ke KLIA2 adalah daripada dana kerajaan dan; iii) Pembinaan laluan KLIA ke KLIA2 adalah di dalam compound airport system iaitu di bawah kawalan MAHB. Sepatutnya kos adalah ditanggung oleh MAHB oleh sebab itu, kadar tambang RM2 perlu dibatalkan.
8.2	<p>Meminta Jabatan Audit Negara untuk mengadakan audit penswastan ke atas kawasan pembangunan KLIA untuk memastikan bahawa konsesi yang diberikan kepada MAHB tidak membebankan Kerajaan dan rakyat.</p>
8.3	<p>Memastikan sebarang perolehan oleh pihak swasta yang menggunakan peruntukan geran Kerajaan mematuhi peraturan dan polisi perolehan dalam memastikan Kerajaan memperoleh <i>value for money</i>;</p>
8.4	<p>Pihak Kerajaan perlu menyemak dengan lebih mendalam dan terperinci supaya sebarang urusan perolehan oleh pihak swasta tidak mempunyai unsur-unsur <i>conflict of interest</i> yang akhirnya melemahkan keputusan Kerajaan.</p>

AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- Bilangan 32/2014 pada Selasa 30 September 2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 32/2014 PADA SELASA 30 SEPTEMBER 2014
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p style="text-align: center;">30 September 2014 (Selasa) 11.00 pagi</p>	<p style="text-align: center;">Penyambungan Laluan ERL Dari KLIA Ke KLIA2</p>	<p style="text-align: center;">Kementerian Pengangkutan</p>

LAPORAN PROSIDING

- Bilangan 32/2014 pada Selasa 30 September 2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 30 SEPTEMBER 2014**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulau]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]	
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]	
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]	
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- <i>Setiausaha</i>

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]

URUS SETIA

Encik Che Seman Pa Chik [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)]
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Nasrul Izani bin Ramli [Penolong Setiausaha I
(Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datuk Hj. Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]
Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Puan Jacinta Wong Ngouk Hua [Timbalan Pengarah Audit Persekutuan (Pengangkutan)]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)

Kementerian Kewangan

Encik Suhaili bin Ahmad [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategik)]

Puan Faridah Nor binti Mohd Yasin [Ketua Penolong Setiausaha (Parlimen & Kabinet) 2]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Maslina binti Kamarudin [Ketua Penolong Pengarah]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir [TPBK(K)A]

Unit Perancang Ekonomi

Encik 'Allauddin bin Anuar [TKP(S) UPE]

SAKSI-SAKSI

Kementerian Pengangkutan

YBhg. Datuk Seri Long See Wool [Ketua Setiausaha MOT]

YBhg. Dato' Chandra Sekakan P. [SUB (Udara) MOT]

Puan Noormah binti Mohd. Noor [CEO ERL]

YBhg. Dato' Abd Hamid bin Mohd Ali [COO MAHB]

Ir. Mohd. Zaifuddin Idris [SGM MAHB]

Encik Mano a/l Veragathran [TSUB (Pembangunan) MOT]

Encik Mohd. Asyraf bin Mohd Amin [PSU (PU) MOT]

Encik Saifulddin bin Puteh [Penolong Setiausaha]

Puan Teh Lian Tai [Ketua Penolong Setiausaha]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****Selasa, 30 September 2014****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.04 pagi****[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]**

Tuan Pengerusi: Selamat pagi saya ucapkan kepada Timbalan Pengerusi serta juga Ahli-ahli Jawatankuasa PAC. Memandangkan kuorum sudah cukup empat orang, lebih satu, kita boleh mulakan mesyuarat. Yang Berbahagia Datuk Hj. Anwari dan juga pasukan daripada Jabatan Audit Negara, wakil kementerian, wakil EPU, wakil JPA, wakil Kementerian Kewangan. Selamat datang ke Mesyuarat PAC kita pada pagi inilah.

Sebenarnya Mesyuarat PAC kita pada pagi ini ialah untuk memanggil Kementerian Pengangkutan untuk memberikan penjelasan mengenai pembinaan laluan *Express Rail Link* (ERL) daripada KLIA ke KLIA2 yang sebenarnya sepanjang 2.2 kilometer yang dibina dengan kos RM100 juta yang dibiayai oleh kerajaan. Isu ini juga menimbulkan tanda tanya kenapa untuk satu jarak yang pendek kos penyambungan tersebut adalah begitu tinggi. Memandangkan tidak ada keperluan tambahan seperti hendak memasukkan sambungan elektrik, jalan raya dan sebagainya untuk membuat kerja sambungan daripada KLIA ke KLIA2.

Kita juga sebenarnya pada hari ini hendak mengambil peluang dengan kedatangan Kementerian Pengangkutan juga untuk bertanya apa-apa soalan tambahan lain mengenai pembinaan KLIA2 yang juga telah timbul isu-isu seperti pemendapan yang kita telah jangkakan sebelum ini pun dan juga telah dimaklumkan kepada kita apakah kejadian pemendapan yang berlaku. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak MAHB untuk menyelesaikan masalah pemendapan ini. Saya dua hari lepas pun saya telah menggunakan KLIA2 dan saya ada gambar yang saya sendiri ambil bahawa kerja-kerja hendak korek tanah di antara 2 *parking bay*, hendak betulkan paip pun dibuat di sebelah kapal terbang yang saya naik itu.

Maknanya selepas enam bulan orang kata KLIA2 itu telah dibuka sudah jadi macam *construction site* jugalah apabila mereka terpaksa membuat kerja *ad-hoc* ini untuk hendak memperbaiki kerosakan yang disebabkan oleh pemendapan dan sebagainya. Isu pemendapan ini juga pun boleh menimbulkan masalah seperti berlakunya lubang dan sebagainya. Jangan lupa dalam isu pemendapan, selepas itu dengan hujan yang lebat di tempat berlaku pemendapan

tersebut boleh berlaku takungan air dan juga boleh menyebabkan tanah tersebut poros yang boleh menimbulkan masalah lubang akan timbul di tempat yang mendap itu.

Jadi lebih baik kita tanya soalan ini dulu pada MAHB apakah penjelasan yang mereka hendak berikan sama ada penjelasan jangka pendek atau jangka panjang supaya kita akhirnya dapat menutup laporan mengenai KLIA2 ini. Jadi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, *you ask for this before this is your final chance to ask them about any issue before we finalized the report. So,* kalau tidak ada apa-apa lagi soalan lagi. Saya rasa audit ERL pun ada apa-apa maklumat tambahan mengenai ERL?

Datuk Hj. Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat-Yang Berhormat di PAC, Setiausaha PAC Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah. Jadi pada hari ini kita telah menyiapkan *draft paper* bagi siasatan projek KLIA2 yang kami telah edarkan. Disebut tadi bahawa akan ditelitilah selepas ini. Pada hari ini kita akan memanggil pihak MOT untuk memberikan penjelasan penyambungan laluan sebagaimana disebut KLIA ke KLIA2, ERL ya. Jadi sebagai asasnya Yang Berhormat, kita ada buat satu penyiasatan, suatu *paper* yang di bentang juga di edar. Okeylah, pada 26 Ogos 1997 perjanjian ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan dengan Express Rail Link Sdn. Bhd., ini telah dilantik sebagai syarikat konsesi.

Jadi syarikat konsesi dikehendaki *design, bina, deliver, install, commission, test, manage, operate* dan *maintain* ERL serta perkhidmatan komuter rail daripada KL Sentral ke KLIA, *ERL-CRS system* dengan kos RM2.4 bilion. Sudah siap pada April 2002, dulu kita ada buat kajian *report* punya PAC pun sudah masuk kita sama-sama turun ke KLIA2 yang bagasi sebahagian.

■1110

Mengikut klausa 18.3 konsesi, ERL-CRS sistem disambung ke *low cost carrier terminal* di KLIA2. So, jarak dua kilometer sebagaimana disebut tadi. So, pada 7 Mac 2011, MOT telah mencadangkan dua opsyen. Opsyen pertama 100% dibiayai oleh kerajaan dengan *concession period* 30 tahun *plus* 30 tahun, sama tambang seperti dari KL Sentral ke KLIA atau KLIA2. Tidak ada caj dikenakan antara KLIA dan KLIA2. Tanah dan stesen disediakan oleh MAHB tanpa sebarang caj dikenakan kepada ERL. Kos operasi dan penyelenggaraan untuk jarak dua kilometer ditanggung oleh ERL. Ini opsyen *number one*.

Option two, 100% dibiayai oleh Bank Pembangunan Malaysia secara pinjaman tetapi tempoh konsesi ditambah dari 30 tahun campur 30 tahun kepada 60 tahun campur 30 tahun. Caj *fare* dikenakan RM2 dari KLIA ke KLIA2. Kos tanah stesen, kos operasi dan *maintenances* sama seperti di opsyen 1, ditanggung oleh ERL.

Pada 14 Mac 2011, *Economic Council* telah meluluskan sambungan ERL ke KLIA2 ditanggung oleh kerajaan mengikut opsiyen 1. Dengan kadar *fare* sebagaimana disebut tadi RM2 antara KLIA ke KLIA2. Kos pembinaan RM100 juta. Ini maklumat dan dokumen-dokumen telah pun kita peroleh.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kos ditanggung oleh kerajaan 100%, RM2 itu yang *collect* ERL, syarikat swasta? Sebenarnya syarikat swasta tetapi dimiliki majoriti oleh kerajaanlah. ERL sekarang ini berapa dia punya pegangan saham kerajaan dengan ini? *I think that is good question to ask.* Saya dimaklumkan 70%...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Tidak. *The shareholding of ERL Sdn. Bhd. itself is* saya dimaklumkan 70% kerajaan...

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: 70:30. *That is the issue I think- I think it is the issue that we should focus on. I means why is government paying for something which is stand on government land, that is fine. But collecting of the money is not collected by government, it is collected by private company even though it is owned majority by government.* Kalau tidak ada apa-apa lagi - Jawatankuasa ada apa-apa?

[Saksi-saksi dari Kementerian Pengangkutan mengambil tempat di dalam bilik Jawatankuasa 1]

Tuan Pengerusi: Saya ucapkan terima kasih kepada Datuk kerana telah sudi datang pada hari ini ke prosiding PAC yang sebenarnya di luar daripada Laporan Ketua Audit Negara, tetapi telah menimbulkan tanda tanya juga. Kita pun hendak tahu juga mengenai isu ini iaitu mengenai isu *Express Rail Link*. Kos sambungan daripada KLIA ke KLIA2. Akan tetapi elok juga pada hari ini bahawa dalam penerangan ataupun penjelasan yang akan diberikan, kalau boleh untuk manfaat kami sebagai Jawatankuasa bahawa penjelasan juga dapat diberikan mengenai rasional dan juga operasi ERL setakat ini terutama dari segi pelaksanaannya, walaupun sudah lama sebenarnya ERL ini. Saya pun selalu naik. ERL ini memang baguslah operasinya, jarang *breakdown* tetapi dari segi pembiayaannya juga kalau boleh diberi sedikit penjelasan.

Jadi selepas penjelasan mengenai ERL ini, Jawatankuasa pun ingin mengambil peluang sedikit untuk hendak bertanya soalan lanjutan mengenai pembinaan KLIA2, terutama sekali isu mendapan yang telah dilaporkan masih berlaku di KLIA2 tersebut. Jadi, sekali gus kita buat ERL dan

KLIA2 ini. Jadi, selepas ini kita boleh muktamadkan laporan PAC mengenai KLIA2 dan juga diharapkan mengenai ERL sekali.

Jadi, saya ucapkan terima kasih di atas kerjasama yang ditunjukkan oleh Datuk. Sanggup datang ke sini walaupun kalau ikut atur cara biasa, Datuk sudah hendak relax sudah, sudah tidak mahu lagi apa-apa gusar, pening kepala dan sebagainya. Datuk faham apa maksud saya.

■1120

Akan tetapi, tujuan kami di sini bukanlah untuk hendak menyusahkan Datuk tetapi kita hendak mendapatkan *the big picture* mengenai apa yang berlaku dengan perkara-perkara yang kita siasat ini. Jadi, saya hendak mohon juga kepada Datuk, kita ada mendapat maklumat-maklumat daripada pihak-pihak lain yang kita juga akan bertanyakanlah kepada Datuk dan juga pegawai-pegawai Datuk untuk mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut. Jadi, tanpa melengahkan masa lagi, saya mengucapkan "*Selamat Datang, Datuk dan pasukan Datuk*". Saya minta Datuk perkenalkan mereka dan selepas itu kita boleh mulakan prosiding ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Long See Wool [Ketua Setiausaha MOT]: Terima kasih dan selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi PAC, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi PAC dan juga semua Ahli Jawatankuasa ini serta Yang Berbahagia Dato' Timbalan dari Jabatan Audit Negara dan pegawai-pegawai dari Jabatan Audit Negara serta semua pegawai dari jabatan-jabatan kerajaan yang saya hormati.

Saya ingin menyampaikan berbilang-bilang terima kasih kepada PAC kerana telah memanggil kami datang ke sini untuk memberi sedikit taklimat dan juga memberi penjelasan atas apa-apa isu yang ahli-ahli PAC bangkitkan pada hari ini. Bersama-sama saya ialah pegawai dari Kementerian Pengangkutan, Dato' Chandra Sekakan P. ialah Setiausaha Bahagian (Udara) yang bertanggungjawab atas dasar dan juga projek-projek pelaksanaan bagi lapangan-lapangan terbang. Di sebelah kiri saya ialah Puan Noormah Mohd. Noor. Beliau adalah CEO Express Rail Link Sdn. Bhd. Juga seorang dua pegawai dari MAHB sebab kami dimaklumkan adanya isu-isu yang mungkin dibangkitkan mengenai KLIA2. So, kami akan cuba sedaya-upaya untuk memberi penjelasan. Sekiranya *we do not have the information, we would like to request your permission that we will submit the answer to PAC, as soon as possible.*

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua *that we were given the opportunity to explain this because as you mention earlier, there are complaints, there are disquiet about ERL. I think all this need to be explained to the PAC and also the public because there could be misunderstanding of certain issues that really related to ERL.* Kalau membenarkan saya memberi pendek sahaja taklimat *on the extension of the ERL from KLIA which is the main terminal building to*

KLIA2 which was funded by the government. So if I may just take you to the slide very quickly, Yang Berhormat.

Just a little background mengenai ERL punya konsesi agreement dengan kerajaan. It was signed on the 25th August 1997 just before the opening of KLIA in 1998 and the concession holder is ERL Sdn. Bhd. and it was based on the principle of build, operate and transfer. If I may just for addition of information- the concession was for a period of 30 years and the project was fully funded by ERL Sdn. Bhd. which secured loan from the Bank Pembangunan, as well as the export credit agency financing of a Germany. The total cost for ERL construction for the 57 kilometers dari KL Sentral ke KLIA was RM2.4 billion.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Shareholders of ERL Sdn. Bhd?

Datuk Seri Long See Wool: Shareholders are YTL - 50%, Tabung Haji - 40%, Trisilco Equity - 10%. The original submission...

Tuan Pengerusi: Datuk, 10% siapa?

Datuk Seri Long See Wool: Sorry.

Tuan Pengerusi: 10% tadi siapa? [Disampuk]

Datuk Seri Long See Wool: Tan Sri Nadzmi punya company.

Tuan Pengerusi: Siapa? Nadzmi, CEO PROTON dahulu?

Datuk Seri Long See Wool: Ya.

Tuan Pengerusi: Okay, alright.

Datuk Seri Long See Wool: Of course during the submission the equity was slightly different but when it was completed there was a restructuring of the equity between the various shareholders. So that is equity restructuring of the company.

At the point of the agreement, it was also certain important element of the concession was also structured in the agreement in terms of the fare structure and also the service tendered. For instances, they operate two services. One is the express train within dia punya journey time is 28 minutes and also the frequency of the services. So depending on the traffic level, if the traffic goes up, there was step up the frequency. So they also operate the commuter service that stop in three stations iaitu di situ... [Merujuk kepada slaid] From KL Sentral, Bandar Tasik Selatan, Putrajaya then Salak Tinggi sebelum berakhir di KLIA. So, kalau kita mengambil kira the main terminal building and the extension to KLIA2, so now there will be additional one more stop. So it is no longer five. For the commuter it is six stations that they will have to operate.

Okay, if I may go to the next slide. Now in respect of the KLIA2 extension, the length of the track is 2.2 kilometers. The construction period is 26 bulan. There was funding agreement by the government for 24 months and the RM100 millions construction cost includes the civil work, the

system work which include macam M&E signaling, automatic train protection system, telecommunication and overhead catenary and also the SCADA system. So, the stations fit up also were included in the concession and also the fare collecting system which is ticketing system.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Okay. Just a quick clarification. Funding agreement, so the project is funded by the government.*

Datuk Seri Long See Wool: *Ya.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Why you said...*

Datuk Seri Long See Wool: *I will come to that.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *No, no. Why is there 24 months? It is a loan or funding agreement is a loan or what?*

Datuk Seri Long See Wool: *So, it is just a loan.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *It is a loan. So it is RM100 million loans?*

Datuk Seri Long See Wool: *Ya... [Disampuk] Sorry, sorry. It is a grant. It is not the loan.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *So why is there 24 months period?*

Datuk Seri Long See Wool: *It was the construction period anticipated at the time when we decided to fund the project.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *No, no. I understand the construction period is 24 months or 26 months. I am just trying to understand why is there – if it is funding say lah RM100 millions, so is funding RM100 millions over 24 months period, but it is actually a grant of RM100 millions?*

Datuk Seri Long See Wool: *Ya.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Okey. Thank you.*

Datuk Seri Long See Wool: *The date for the construction commence of 15th July and the completion 1st October 2013 and the date of operation was on 2nd of May although the system was ready but it was worth to be while waiting for the final completion and the opening of KLIA which only happened on the 2nd of May 2014.*

Next. This is just the peta menunjukkan the extension from the main terminal building to the KLIA2.

■1130

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: *I just want to know how was the contractor dipilih, awarded?*

Datuk Seri Long See Wool: *Because we gave the funding to ERL Sdn. Bhd., they are the one who selected the contractor for the purpose of construction.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Macam mana cara selection?*

Tuan Pengerusi: *Was it tendered or was it preferred contractor, was it runding terus? The mode of awarding the contract to built the extension.*

Datuk Seri Long See Wool: *Maybe Puan Noormah can answer that.*

Puan Noormah binti Mohd. Noor [CEO ERL]: *Thank your Chairman. On the contractor actually because the ERL has existing or rather the original contractor for the EPC contractor previously when this project also built was the SYZ Consortium and it was a joint venture between Siemens and YTL Construction, SPYTL.*

Also, they have already the design and everything. Actually because this was supposed to be on the fast track basis so, we actually then invited SPYTL together with a Seri Yakin, they are bumiputera partner to undertake this project. Because I think is and YTL is also tract maintenance contractor for ERL. So they are familiar with the construction and all that.

If we will appoint totally new contractor we will have to do alignment design and everything, it will take longer time. We will not be able to meet the date, the completion date required by the Ministry of Transport. So, that is the reason why we actually proposed to ministry and it was then approved by the MOF that the existing contractor for the one whom does our maintenance for the track for this project. Thank you.

Tuan Pengerusi: *Is it a direct nego or direct appointment?*

Datuk Seri Long See Wool: *It is a direct nego by them but this, this...*

Tuan Pengerusi: *No, no I mean appointment one matter but the price negotiation whatever was it just they give you the price and you agreed.*

Puan Noormah binti Mohd. Noor: *The original intention of RM100 millions was if ERL want to build ourselves and if we were to fund the project. So, when we look at and there was a value management exercises done by the Ministry of Transport to make sure the contract is properly awarded with the price and all that. The value management exercise was done over a week and I didn't know whether Datuk Seri has in the slide or not but the value management when we re-look at the price, it was originally at RM129.7 million because there were additional cost that was not factored in but because we had committed to the government that we will do this project at RM100 million, so eventually we do it at RM100 million, we have taken up all the other cost at our own cost actually.*

Tuan Pengerusi: *Is ERL Sdn. Bhd. under the purview of Jabatan Audit Negara? It is consider a private.*

Datuk Seri Long See Wool: *Yes, private.*

Tuan Pengerusi: *What is the shareholding today?*

Puan Noormah binti Mohd. Noor: *Sorry?*

Tuan Pengerusi: *The shareholding structure today, what is the shareholding actually it is 50:40:10, that's what Datuk Seri said there was the restructuring later on.*

Datuk Seri Long See Wool: *No, no that one 50:40:10 was the final structure.*

Tuan Pengerusi: *Oh, final structure.*

Datuk Seri Long See Wool: *Earlier when they submit the bid at the point in time, the structure was slightly different.*

Tuan Pengerusi: *But, Datuk Seri isn't this for government money to be spent on private company shouldn't you apply tender or whatever to the process itself.*

Datuk Seri Long See Wool: *What happen as explained by Puan Noormah, the grant was given to ERL Sdn. Bhd. Subsequently they wrote in justifying why they would like to award this contract to a particular contractor based on the justification she has explained just now. So, based on that justification the government, we refer this to the Treasury and Treasury approved the construction on the basis that it has been within the cost of the grant. Whatever additional cost will have to borne by the company because by then after the value management we realized that we were inform that the cost is going higher than the RM100 million but the government will not fund anything more than that because that was the funding that the government agreed earlier.*

Tuan Pengerusi: *Okey, Datuk. Even that value management I assume that before value management was being implemented, the cost should be higher lah kan because value management is suppose to...*

Datuk Seri Long See Wool: *Eventually after the value management they relooked some of the details but the final cost of the project was lowered than RM129.7 million is about RM116 million.*

Tuan Pengerusi: *The original cost that ERL Sdn. Bhd. had forecasted was about RM129 million is it correct?*

Datuk Seri Long See Wool: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *And then after value management exercises it was still RM116 million and than the government grant was RM100 million. So therefore they squeeze other RM16 million out of it.*

Datuk Seri Long See Wool: *Yes, the anything that above had to be funded by...*

Tuan Pengerusi: *And the value management was done by your unit in your ministry.*

Datuk Seri Long See Wool: *It was EPU lead?*

Tuan Pengerusi: *EPU lead, betul? Okey, alright wakil EPU confirm, bahawa EPU yang buat re-cost value management punya exercise?*

Encik 'Allauddin bin Anuar (TKP(S) Unit Perancang Ekonomi]: *The value management been done by the EPU bersama-sama dengan kementerian sekalilah.*

Dr. Tan Seng Giaw: *Chairman, how many companies in the world can undertake this job? Did you ever find out how many companies, berapa syarikat yang mampu membuat kerja seperti ini? Is it ten companies?*

Datuk Seri Long See Wool: *In the world? Oh, in the world there are many.*

Dr. Tan Seng Giaw: *So, why you have to choose this one? Is it because it is so special?*

Datuk Seri Long See Wool: *I think she has explained. It is familiarity of the system and they were the previous contractor before. The costing is quite known. I think that was the basis that is why the government did not say no to them. If I may proceed, Yang Berhormat?*

There were two options at the point in time presented to EC option 1 and option 2 will explain later. So, if I can go to the Option 1, these are the following elements involved that the concession period will remain. The fare the same. They would not be allowed to increase the fare for the Express Train as well as commuter train to KLIA as well as KLIA2. Meaning that, going to KLIA2 also will be the RM35, and then there was an operational cost there was quite clearly detailed out to us i.e. the maintaining the two point something kilometer will be about RM3.2 million a year.

The second option. The different of the second option is that they said if they have to fund it they would like the concession period to be extended another 30 years. So, as far as the government was concern the extension 30 years was too long period and they will have to restructure the entire agreement and the government at the point in time felt that they rather not increase the concession period because they could be other development that will come about and we do not tie and tie the government for another automatic extension 30 years.

So, therefore we decided to fund it RM100 million. Of course at the point in time there was a request for a charge RM2 in between KLIA and KLIA2. Just for the passengers between KLIA, KLIA2. Siapa yang naik dari Kuala Lumpur, Salak Tinggi dari mana-mana tempat itu tambang yang asal dikekalkan.

Tuan Pengerusi: *I think that is a good point because everybody assumes that RM2 is actually for the whole trip. I mean RM35 in KLIA and RM37 to KLIA 2.*

Datuk Seri Long See Wool: *No, no, it is still RM35.*

■1140

Datuk Seri Long See Wool: *So, hanya untuk penumpang yang naik di antara main terminal building dengan KLIA2 sahaja. Only them- they have to pay the RM2.*

Tuan Pengerusi: *Accidentally can I side line a bit ya?*

Datuk Seri Long See Wool: *Sorry?*

Tuan Pengerusi: *Can I side line a bit?*

Datuk Seri Long See Wool: *Sure, sure Sir.*

Tuan Pengerusi: *Apa ini- that RM35 the original cost in the original of demand kan, there was a talk about passengers charge being part of the RM35 itu. Is it part of it ataupun the whole of the RM35?*

Kan MAHB pays to the ERL punya projek ini – I am not sure is it a certain portion kah ataupun the whole RM35 kah? That's the payment by MAHB to the ERL project.

Datuk Seri Long See Wool: *Oh, okay, okay. Now I get you. We have to go back to the original contract. The original discussion between ERL and the government. Yang Berhormat, at the point when we decided to built KLIA, it was very quiet far. Because Subang was reasonably close to PJ and to Kuala Lumpur.*

So, this airport was quiet far. So, one of the essential elements when we proceeded to KLIA2 was the need for a train service to guarantee the journey time. As I mention earlier 28 minutes. We look at many airports in the world, it is important that we have the rail link. But recognizing the fact that railway services- if you were to price it according to whatever construction cost and operational cost, it would be expensive. So, the government decided that KL– ERL should be part and parcel of the entire airport system as such.

So, it was decided that it is part and parcel of the infrastructure and of course when we look at the details, now if we were not to have certain kind of funding, certain model, then the fare would be high. So that in the case it was considered that the passengers service charge, a portion of the passenger's service charge should be assigned or given to ERL. Otherwise, the viability of the project would become very difficult. So, we considered part and parcel of the infrastructure...

Tuan Pengerusi: *So, it's like a subsidy lah?*

Datuk Seri Long See Wool: *No, we never...*

Tuan Pengerusi: *Subsidy taken up from the passengers service charge...*

Datuk Seri Long See Wool: *...We did not use the term subsidy. It is- it's a funding.*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Datuk Seri Long See Wool: *It is a funding of it because otherwise then if you were to charge it RM40 a fare- you know that would be- and we see the benefit of the ERL because of the guarantee journey time...*

Tuan Pengerusi: *No Datuk. I agree with you.*

Datuk Seri Long See Wool: *Ya.*

Tuan Pengerusi: *All I am saying is we are trying to narrow down all the financial procedures- we going to employed in basically proving this project and then later on you know during running the project. So that's why I asked you the questions just now about you know shareholder,*

how much the funding is and now about this payment which actually taken out from the passengers service charge. The amount is RM5 if I am not mistaken. Is it correct?

Datuk Seri Long See Wool: RM5.

Tuan Pengerusi: RM5 kan?

Datuk Seri Long See Wool: RM5 for international... [Disampuk] RM1 for domestic.

Tuan Pengerusi: RM1 for domestic. And this is actually to us as a layman we think of it as a subsidy lah.

Datuk Seri Long See Wool: Whatever terms Sir you may wish to term it.

Tuan Pengerusi: Because you said there is a short form and funding...

Datuk Seri Long See Wool: Ya, short form and funding...

Tuan Pengerusi: And therefore why shouldn't the government apply for their money in the budget to pay for this? So in a way you are asking passengers at the KLIA...

Datuk Seri Long See Wool: Passengers?

Tuan Pengerusi: To pay for it through...

Datuk Seri Long See Wool: So, it become...

Tuan Pengerusi: ...MAHB.

Datuk Seri Long See Wool: ...Become part of the user fee.

Tuan Pengerusi: Through MAHB.

Datuk Seri Long See Wool: Ya.

Tuan Pengerusi: That's why because outside there, people think it's a payment in excess of the cost to help fund the ERL. You get what I mean?

Datuk Seri Long See Wool: Ya, but you see Yang Berhormat, that's why I need also to inform you. When we restructure the concession, the agreement with MAHB, that part of- it is not considered they pay anymore. When we restructured I can't remember which year. So, that part we government look at it as a whole and whatever money that paid to ERL, it become part of the concession payment minus that. So, they are not in a way losing out. Katakan RM30, bukan RM1 itu kita ambil, dia rugi RM1 itu. The RM1 is actually paid back to them through the concession punya restructuring. In 2009.

Tuan Pengerusi: So, from negatively impacting them, then you restore back their concession...

Datuk Seri Long See Wool: So, dia tidak boleh cakap dia yang fund ini lah.

Tuan Pengerusi: Oh, okey. Another question- yang the passenger itu that time kan, those people who go to LCCT which is not connected to KLIA kan, did that money also was taken up from their passengers service charge to pay for the ERL?

Datuk Seri Long See Wool: *Yes. It's the overall...*

Tuan Pengerusi: *Overall figure...*

Datuk Seri Long See Wool: *...Total departing passengers.*

Tuan Pengerusi: *...Total departing passengers. You see there is another issue with us also because than rather there is no accruals I mean if you use in our financial records. You know should be only those who using KLIA...*

Datuk Seri Long See Wool: *But you see Yang Berhormat, as I mentioned in 2009, when we restructured the agreement, it is no longer partly but it becomes it's plowed back to the entire concession- minus that amount.*

Tuan Pengerusi: *But going forward. But whatever money that was already been collected, it's not plowed back lah in a sense.*

Datuk Seri Long See Wool: *Ya.*

Tuan Pengerusi: *It's not taken back from ERL lah?*

Datuk Seri Long See Wool: *So, moving forward is- no, no. We don't take back.*

Tuan Pengerusi: *But that means the ERL took the money from 2002 to 2009 lah. Seven years lah? Worth of money collector from passengers using the LCCT. These days also received lah? Even though...*

Datuk Seri Long See Wool: *Ya but Yang Berhormat... Yang Berhormat...*

Tuan Pengerusi: *...Their passengers don't use the ERL.*

Datuk Seri Long See Wool: *...I need to inform you this also. You see LCCT was at that point when we built KLIA, LCCT was never something that – LCCT was constructed to cater for the growth of the low cost carrier.*

So, when this happen- what happen was there was a disconnect between ERL that they not link to the LCCT ya. I think for that reason they lost quiet lot of passenger. There was quiet a tremendous drop in their passenger volume as forecasted because it was out of a new development ya? Now what they have done is when the train stops in Salak Tinggi, they provide free shuttle bus to LCCT. They did not charge anything on that bus services that connect to ERL services to the LCCT. So, in that sense they have also contributed to ferrying the passengers, free of charge. Because there is no rail link to the LCCT.

Tuan Pengerusi: *To be clear, in a way ERL also basically provided free bus shuttle service from Salak Tinggi to LCCT to basically...*

Datuk Seri Long See Wool: *Through and through...*

Tuan Pengerusi: ...Take care of the passenger flow from LCCT to the ERL lah, instead of stopping in KLIA itself. It's not free lah. It's actually that money that passenger's service charge for the LCCT actually justify...

Datuk Seri Long See Wool: If you put two into together...

Tuan Pengerusi: ...To basically find that...

Datuk Seri Long See Wool: Ya.

Tuan Pengerusi: No, Datuk. You have to put...

Datuk Seri Long See Wool: [Ketawa]

